Imam Badruddin Muhammad bin ‘Abdullah Az-Zarkasyi رضي الله عنه (wafat 794H)

Beliau adalah seorang ulama’ Syafi’i yang terkenal di Mesir pada abad ke-08, yang dilahirkan di Kairo tahun 745H.

Kairo ketika itu penuh dengan ulama’-ulama’ dan Sarjana-sarjana Islam pintar.

Di antara guru beliau terdapat Syeikh Sirajuddin Al-Bulqini رضي الله عنه, Mufti Mesir yang terkenal dalam lingkungan Ulama’-ulama’ Syafi’iyah yang terkenal besar.

Zarkasyi رضي الله عنه pada waktu remajanya belajar fiqih-fiqih Syafi’iyah, sehingga beliau menghafal kitab Minhaj karangan Imam Nawawi رضي الله عنه di luar kepala dan kerana itu beliau kadang-kadang diberi gelar julukan dengan “Minhaj”.

Di antara guru beliau terdapat Syeikh Jamaluddin Al-Asnawi رضي الله عنه, seorang ulama’ Syafi’iyah yang terkenal di Mesir.

Imam Zarkasyi رضي الله عنه banyak mengarang kitab-kitab Agama sampai sebanyak 32 buah naskhah, di antaranya terdiri dari kitab-kitab besar berjilid dan kitab-kitab kecil.

Di antara karangan beliau yang tersiar di Indonesia adalah “Al-Burhan fi Ulumul Quran” terdiri dari 4 jilid besar, cetakan Isa Al-Babil Halaby di Kairo.

Yang bertalian dengan fiqih Syafi’i, beliau telah mengarang :

1. Fathul ‘Aziz Al-Kitabil Wajiz, membahas hadits-hadits dalam Syarah Al-Kabir, karangan Imam Rafi’i رضي الله عنه.
2. Takmilah, syarah kitab Minhaj.

3. Khadimur Rafi'i war Raudhah, 14 jilid besar.
4. Khabayaz Zawaya fil furu'.
5. Al-Dibaj fi Taudhihil Minhaj.
6. Az-Zahabul Ibriz.
7. Syarah kitab Tanbih, karangan Abu Ishaq Asy-Syirazi ﷹ.
8. Syarah Al-Wajiz, karangan Imam Ghazali ﷹ.
9. Fatwa Az-Zarkasyi.
10. Al-Qawa'id fil furu'.
11. Majmu'atuz Zarkasyi.
12. Al-Mu'tabar fi Takhriji Al-Haditsil Minhaj wal Mukhtasar.
13. Dan lain-lain.

Imam Badruddin Zarkasyi ﷹ ini adalah bintang Ulama' Syafi'i dalam abad ke-08, sehingga dengan karangan-karangan beliau, Mazhab Syafi'i berkembang dari zaman ke zaman.

Beliau wafat tahun 794 dalam usia 49 tahun.

Sumber : SEJARAH DAN KEAGUNGAN MAZHAB SYAFI'I, Oleh: K.H Sirajuddin Abbas